**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA**
**( CAWANGAN PULAU PINANG )**

SULIT 5226/1 & 5226/2

MODUL BERFOKUS SPM 2020

# PERATURAN PEMARKAHAN

NAMA SUBJEK : TASAWWUR ISLAM

KOD MP : 5226/1 & 5226/2

# KERTAS 1

| BAHAGIAN A | | BAHAGIAN B | |
|---|---|---|---|
| 1 | B | 21 | Hadis sahih |
| 2 | D | 22 | Ajaran sesat |
| 3 | A | 23 | Syumuliyyah |
| 4 | A | 24 | Talak |
| 5 | D | 25 | mampu |
| 6 | C | 26 | Madinah |
| 7 | D | 27 | mahkamah/qadhi |
| 8 | C | 28 | Hadis/sunnah |
| 9 | D | 29 | Hormat-menghormati/ ukhuwwah islamiah (persaudaraan Islam) |
| 10 | B | 30 | Hormat-menghormati/ ukhuwwah islamiah (persaudaraan Islam) |
| 11 | C | 31 | Riak/ujub/murtad/munafik/syirik |
| 12 | C | 32 | Riak/ujub/murtad/munafik/syirik |
| 13 | B | 33 | Pengakuan/pembuktian |
| 14 | B | 34 | Pengakuan/pembuktian |
| 15 | A | 35 | Ibadah khusus |
| 16 | D | 36 | Ibadah umum |
| 17 | A | 37 | X |
| 18 | C | 38 | √ |
| 19 | D | 39 | X |
| 20 | C | 40 | √ |

# KERTAS 2

| SOALAN | | | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|---|---|
| **1.** | (a) | i. | Maksud mukjizat :<br>• Perkara luar biasa yang dianugerahkan/diberikan/diserahkan oleh Allah (1m) kepada para nabi /rasul (1m)<br>• Perkara luar biasa yang dianugerahkan kepada nabi / rasul (1 m) | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | ii. | **Dua** peranan mukjizat :<br>• Menunjukkan kekuasaan /keagungan Allah SWT<br>• Mengukuhkan keyakinan umat Islam terhadap ajaran Islam<br>• Membuktikan kebenaran rasul/nabi<br>• Membezakan nabi dengan manusia biasa<br>• Melemahkan musuh-musuh / mematahkan hujah semasa berdakwah<br>• Menarik minat orang bukan Islam utk mendalami Islam<br>• Memberi kekuatan kepada Rasul utk menyampaikan wahyu<br>• Membuktikan kebenaran wahyu yang dibawa oleh Rasul | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | iii. | **Empat** contoh perkara luar biasa kecuali mukjizat :<br>• Karamah<br>• Irhas<br>• Maunah<br>• Istidraj<br>• Sihir | 4 isi x 1m<br>= 4m |
| | (b) | | **Dua** cara saya bersyukur dengan nikmat akal :<br>• Tidak menggunakan akal fikiran untuk memikirkan perkara maksiat yang boleh menghancurkan kehidupan manusia.<br>• Memikirkan kebesaran dan keagungan Allah SWT dalam mencipta alam.<br>• Memikir cara untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT agar menjadi hamba yang bertaqwa.<br>• Menjana kemajuan,keharmonian hidup manusia agar hidup lebih selesa.<br>• Berfikir untuk memaju dan memakmurkan alam agar dapat dinikmati oleh semua manusia.<br>• Berfikir utk mencipta @ mereka sesuatu peralatan yang boleh dimanfaatkanoleh manusia sejagat agar dapat memudahkan kehidupan.<br>• Berfikir secara positif untuk kemajuan umat manusia.<br>• Mengelak daripada berfikir perkara negatif yang boleh merosakkan kehidupa<br>• Berfikir secara rasional seperti Saiyidina Uthman bin Affan untuk membukukan Al Quran | 2 isi x 2m<br>= 4m<br><br>Isi = 1m<br>H = 1m |
| | (c) | | Cadangan hujah :<br>• Larangan menipu sememangnya termaktub dalam al-Quran dan al-Hadis<br>• Pengkhianatan ke atas kepercayaan yang diberikan<br>• Kesedihan dan ketakutan yang tidak berasas yang mungkin menimpa seseorang<br>• Islam menuntut umatnya bersifat jujur<br>• Bukan budaya Islam dan merupakan budaya yang dibawa masuk dari barat.<br>• Tanda-tanda orang munafik | Isi = 1m<br>HR = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (d) | | **Dua** akibat kepada masyarakat yang terpengaruh dengan ajaran sesat :<br>• Masyarakat tidak aman dan tenteram kerana terputusnya hubungan dengan masyarakat sekeliling<br>• Berlaku perkara-perkara negatif seperti perceraian dalam rumahtangga<br>• Terlalu fanatik dengan ajaran mereka sehingga berlaku pergaduhan | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| **2.** | (a) | | **Tiga** prinsip Syumuliyyah :<br>• Kesempurnaan hanya hak Allah SWT<br>• Islam menyediakan segala peraturan hidup/lengkap<br>• Manusia dilantik oleh Allah SWT sebagai khalifah di atas muka bumi<br>• Peraturan dan perundangan Islam adalah seimbang<br>• Semua makhluk yang hidup di dunia terikat dengan masa, tempat dan ruang tertentu | 3 isi x 1m<br>= 3m |
| | (b) | i. | Contoh syumuliyyah dalam bidang ekonomi :<br>• Menghalalkan jual beli.<br>• Mengharamkan riba.<br>• Mengharamkan monopoli.<br>• Mengharamkan manipulasi.<br>• Kepelbagaian jenis muamalah dalam Islam. | 1 isi x 1m<br>= 1m |
| | | ii. | Cadangan isi hujah perundangan Islam bersifat Syumuliyyah :<br>• Menetapkan hukuman qisas, hudud dan takzir<br>• Mengharamkan arak dan dadah<br>• Mengharamkan syirik, khurafat dan bid'ah<br>• Mengharamkan zina dan liwat<br>• Melarang berjudi, boros dan riba | Isi = 1m<br>HR = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m |
| | (c) | | **Dua** bukti ajaran Islam bersifat Alamiyyah :<br>• Perundangan Islam dapat diterima dan diamalkan oleh semua manusia<br>• Islam mementingkan kedamaian dan keadilan sejagat<br>• Keadilan Islam adalah menyeluruh tidak terhad kepada umat Islam sahaja | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | (d) | | **Dua** cara Islam memelihara kehormatan dan maruah diri :<br>• Mewajibkan umatnya menutup aurat<br>• Menjaga batas pergaulan sesama manusia<br>• Mengharamkan pergaulan bebas lelaki dan perempuan ajnabi<br>• Mengharamkan perbuatan mungkar seperti zina<br>• Berakhlak dengan akhlak mahmudah | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | (e) | i. | Konsep thabat terhadap perkara berikut :<br><br>**Ibadat solat fardu** - Ibadat solat mesti dilakukan oleh orang Islam yang baligh,berakal dan suci daripada hadas walau dalam keadaan apa sekalipun.Walaupun sakit pelaksanaan solat wajib dilakukan mengikut kaedah tertentu | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | | ii. | Konsep thabat terhadap perkara berikut :<br><br>**Hukum jenayah Islam** - Semua umat Islam akan diadili sama taraf tanpa mengira taraf kedudukan, kekayaan atau pangkat | 1 isi x 2m<br>= 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **3.** | (a) | i. | **Dua** ciri negara Islam :<br>• Berasaskan al-Quran dan al-Hadis.<br>• Ketua Negara yang adil dan beriman<br>• Melaksanakan prinsip amar makruf nahi mungkar.<br>• Jaminan kebebasan hak asasi yang adil<br>• Majlis Syura sebagai asas pemerintahan<br>• Keamanan dan kesejahteraan negara dipelihara | 2 isi x 1m<br>= 2m |
| | | ii. | **Dua** peranan Rasulullah SAW sebagai pemimpin :<br>• Ketua negara dalam pengurusan pemerintahan negara.<br>• Hakim tertinggi yang menguatkuasa undang-undang.<br>• Ketua Angkatan tentera yang memastikan keamanan negara | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | (b) | i. | **Dua** etika kehakiman menurut Islam :<br>• Hakim tidak boleh menyebelahi mana-mana pihak (1m) sama pendakwa atau tertuduh (1m).<br>• Hakim hendaklah jujur dan amanah (1m) dalam tugasannya (1m).<br>• Hakim tidak boleh menghakimi mana-mana orang yang ada kepentingan dengannya (1m) seperti saudara/kawan/jiran (1m).<br>• Hakim tidak boleh mensabitkan kesalahan (1m) jika ada keraguan (1m). | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | | ii. | **Dua** faedah penghakiman yang adil dalam perbicaraan :<br>• Mendapat keberkatan dan keredhaan dari Allah SWT<br>• Keadilan dapat ditegakkan<br>• Dapat membela orang yang dizalimi atau orang yang teraniaya<br>• Memuaskan hati kesemua pihak yang terlibat<br>• Institusi kehakiman dipandang tinggi oleh masyarakat<br>• Mengekalkan perpaduan dalam masyarakat | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | (c) | | **Tiga** cara merealisasikan amalan tawakal dalam menghadapi peperiksaan :<br>• Belajar bersungguh-sungguh (1m) untuk mencapai kejayaan (1m).<br>• Istiqamah mengulangkaji pelajaran (1m) agar dapat menguasai ilmu yang dipelajari (1m).<br>• Menguatkan azam dan semangat (1m) untuk terus berusaha dengan gigih (1m).<br>• Reda menerima ketentuan Allah (1m) untuk meningkatkan keimanan kepada-Nya (1m).<br>• Yakin dengan qada dan qadar Allah (1m) dalam menjalani kehidupan (1m). | 3 isi x 2m<br>= 6m |
| **4.** | (a) | | **Empat** golongan yang tidak layak menguruskan harta :<br>• Anak yatim<br>• Kanak –kanak<br>• Orang yang Terencat akal/Safih/lemah akal/Down Sindrom<br>• Orang gila/Tidak siuman | 4 isi x 1m<br>=4m |
| | (b) | | **Dua** kesan aktiviti di atas terhadap ekonomi umat Islam :<br>• Mengurangkan masalah pengangguran dalam masyarakat Islam (1m) kerana taraf hidup meningkat (1m).<br>• Membolehkan umat Islam berdikari tanpa perlu meminta minta (1m) agar maruah umat Islam dipandang tinggi.(1m).<br>• Mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan umat Islam (1m) kerana sentiasa berusaha memenuhi keperluan hidup (1m).<br>• Ekonomi umat Islam akan semakin kembang dan maju (1m) kerana umat Islam dapat mengeluarkan produk sendiri yang halalan taiyiban (1m). | 2 isi x 2m<br>= 4m<br>Isi = 1m<br>H = 1m |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | (c) | **Dua** dua kegiatan muamalah yang mengandungi konsep tersebut :<br>• Melalui aktiviti sewa –menyewa /al-Ijarah- semangat tolong –menolong dapat dipupuk<br>• Melalui aktiviti jual-beli/al-Bai'bithaman ajil- penjual dapat membantu pembeli mendapatkan barangan yg diperlukan<br>• Melalui aktiviti ar-Rahnu/ pajak gadai- boleh membantu orang yang dalam kesusahan mendapatkan wang tunai melalui barang yang dicagarkan<br>• Melalui aktiviti hutang/al-Qardhu- membantu orang dalam kesesakan untuk mendapat wang dengan segera<br>• Melalui aktiviti hutang/Al Qardhu- membantu orang dalam kesesakan untuk mendapat wang dengan segera | 2 isi x 2m<br>= 4m |
| | (d) | **Dua** faedah Islam menyediakan berbagai bagai jenis muamalah ialah:<br>• Menggerakkan ekonomi dengan lebih pesat 1m/kerana manusia mempunyai pelbagai pilihan (1m)<br>• Menggalakkan orang yang mempunyai harta yang banyak membantu golongan yang susah (1m)seperti mengeluarkan zakat (1m)<br>• Memastikan semua manusia dapat memenuhi keperluan hidup mengikut kemampuan (1m)seperti aktiviti sewa-menyewa (1m)<br>• Memberi peluang kepada manusia memilih cara bermuamalah mengikut keperluan mereka (1m) kerana terdapat berbagai bentuk muamalah yang disediakan (1m)<br>• Mengajar manusia sentiasa hidup bersatu padu dan tolong menolong(1m) seperti dalam aktiviti sewa-menyewa,pajak gadai dan sebagainya(1m) | 2 isi x 2m<br>= 4m<br>Isi = 1m<br>H = 1m |
| | (e) | Cadangan jawapan :<br>Mengamalkan sifat jujur dan amanah dalam perniagaan dapat menjamin kesejahteraan dan keharmonian hidup (1m) kerana peniaga akan mengelakkan diri daripada sifat menipu seperti menipu mengenai kualiti barang dengan mencampurkan barang baik dengan barang tidak baik (1m). Apabila sifat menipu dijauhi akan menyebabkan perniagaannya semakin maju dan disukai oleh para pelanggan (1m). Oleh itu sifat jujurdan amanah wajib ada dalam diri peniaga supaya sumber rezeki peniaga halal dan diberkati Allah (1m) | Isi = 1m<br>HR = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m |
| **5.** | (a) | Pengertian ibadat :<br>• Ibadat ialah pengabdian kepada Allah SWT, melalui perbuatan, perkataan dan pengakuan hati (1m)/yang berlandaskan syariat Allah (1m)<br>• Mengakui dan meyakini bahawa Allah sahajalah yang layak disembah.(1m) | 2 isi x 1m<br>=<br>2m |
| | (b)<br>(i)<br>(ii) | **Dua** contoh bagi setiap perkara di bawah :<br>• Ibadah khusus (wajib) - Solat Fardhu, puasa Ramadhan, zakat dan haji.<br>• Ibadah khusus (sunat) – Membaca al-Quran, berzikir, berdoa, semua jenis solat sunat, semua jenis puasa sunat dan bersedekah.<br><br>Jawapan munasabah diterima<br>Jawapan untuk Ibadah khusus (wajib) : jawapan solat dan puasa sahaja tidak diterima. | 2 isi x 1m<br>= 4m |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | (c) | **Dua** cara untuk merealisasikan perkara di atas ialah :<br>• Meningkatkan ilmu pengetahuan tentang sesuatu ibadat(1m) /supaya mencapai kesempurnaan dalam ibadat(1m)<br>• Mendampingi orang yang berilmu dan soleh (1m)/ untuk mendalami ilmu daripada mereka(1m)<br>• Melakukan ibadat secara berterusan(1m) agar tidak dianggap hangat hangat tahi ayam(1m)<br>• Menjauhi perkara perkara negatif (1m)seperti memakai pakaian tidak menutup aurat(1m)<br>• Sentiasa melakukan ibadat wajib secara sempura(1m) dengan memenuhi segala syarat-syaratnya(1m) | 2 isi x 2m<br>= 4m<br>Isi = 1m<br>H = 1m |
| | (d) | **Tiga** hikmah penetapan hukum haram dalam Islam : .<br>• Memastikan kepentingan diri manusia terpelihara (1m) agar selamat di dunia dan akhirat (1m).<br>• Memastikan manusia sentiasa berdisiplin (1m) suapay maruah terpelihara (1m).<br>• Memastikan manusia tidak melakukan kerosakan dan penindasan (1m) yang menyebabkan huru-hara (1m).<br>• Memastikan manusia lebih aman dan sejahtera (1m) kerana mematuhi perintah Allah SWT (1m).<br>Jawapan munasabah diterima | 3 isi x 2m<br>= 6m<br>Isi = 1m<br>H = 1m |
| | (e) | Cadangan jawapan<br>Ibadat dapat menjamin kebahagiaan hidup manusia di dunia dan akhirat kerana dengan melakukan ibadat kita akan selalu dekat dengan Allah dan Allah akan menjauhkan kita dari segala perkara perkara mazmumah yang tidak disukaiNya. Kesannya kita akan melaksanakan hidup dengan penuh tenang dan berkualiti. Oleh itu lakukanlah ibadat sepenuh hati dan jiwa supaya cemerlang walau di mana sahaja. | Isi = 1m<br>HR = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m |
| **6.** | (a) | **Empat** sumber penyelesaian masalah dalam Islam ialah :<br>• al-Quran<br>• al-Hadis / al-Sunnah<br>• al-Ijmak<br>• al-Qias<br>(Jawapan mesti mengikut urutan keutamaan) | 4 isi x 1m<br>= 4m |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | (b) | **Tiga** sebab masalah perlu diselesaikan mengikut cara Islam :<br>• Islam agama yang lengkap dan sempurna (1m) / kerana dicipta oleh Allah SWT (1m)<br>• Islam agama yang memberikan balasan ke atas setiap perbuatan manusia (1m) / sama ada di dunia atau di akhirat (1m)<br>• Penyelesaian secara Islam memberikan keadilan kepada manusia (1m) / tanpa mengira pangkat, keturunan dan kedudukan (1m)<br>• Penyelesaian secara Islam akan mewujudkan perpaduan ummah (1m) / kerana Islam menyeru kepada keharmoniandan persefahaman(1m)<br>• Penyelesaian secara Islam akan menjadikan hidup manusia sentiasa aman dan selesa (1m) / kerana kehidupan diberkati dan dirahmati Allah SWT (1m)<br>• Penyelesaian secara Islam akan memajukan ekonomi, politik dan sosial negara(1m) / kerana perpaduan rakyat sentiasa erat (1m)<br>• Penyelesaian secara Islam akan menghapuskan gejala sosial dan kemungkaran (1m) / kerana bentuk hukumannya bersifat memberi pengajaran (1m). | 3 isi x 2<br>= 6m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |
| | (c) | **Cadangan isi** :<br>• Mewajibkan golongan kaya untuk mengeluarkan zakat.<br>• Menggalakkan umatnya bekerja bersungguh-sungguh.<br>• Menggalakkan umatnya berbelanja secara berhemat.<br>• Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.<br>• Saling bantu membantu di antara satu sama lain. | Isi = 1m<br>HR = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m |
| | (d) | **Tiga** kesalahan yang termasuk dalam kategori takzir :<br>• Kesalahan hudud yang tidak cukup bukti untuk dikenakan hukuman hudud (1m) seperti mencuri yang tidak cukup nisab (1m).<br>• Kesalahan qisas yang tidak cukup bukti (1m) seperti membunuh tanpa niat (1m).<br>• Kesalahan- kesalahan zina yang tidak mencapai had hudud (1m) seperti khalwat (1m).<br>• Perbuatan yang boleh mengganggu ketenteraman awam (1m) seperti menipu/mengumpat/merempit (1m). | 3 isi x 2<br>= 6m<br>Isi = 1m<br>H = 1m |
| **7.** | (a) | Jenis-jenis harta berserta :<br>• Harta boleh alih – kereta, wang.<br>• Harta tidak boleh alih – tanah, rumah.<br>(contoh-contoh munasabah diterima) | 4 isi x 1<br>= 4m |
| | (b) | **Tiga** sebab umat Islam perlu mencari harta secara halal :<br>• Untuk menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat (1m) / kerana harta halal diberkati Allah SWT. (1m)<br>• Untuk mengelakkan penindasan dan penganiayaan (1m) / seperti mendapatkan harta secara rasuah. (1m)<br>• Untuk mengelakkan permusuhan (1m) / seperti mendapat harta secara manipulasi. (1m)<br>• Untuk menjamin kehidupan yang harmoni dalam masyarakat (1m) / kerana hubungan silaturahim. (1m) | 3 isi x 2<br>= 6m<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |
| | (c) | **Cadangan isi** :<br>• Lemahnya iman<br>• Pengaruh rakan sebaya<br>• Ingin menunjuk kehebatan diri.<br>• Menganggap aktiviti ini dapat mengisi masa lapang. | Isi = 1m<br>HR = 1m<br>HL = 1m<br>K = 1m |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | (d) | **Tiga** usaha yang boleh dilakukan untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia :<br>• Menerapkan nilai-nilai perpaduan dalam diri(1m)/anak-anak sejak kecil.(1m)<br>• Menggalakkan anak-anak bersosial(1m)/mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Islam(1m).<br>• Menziarahi jiran semasa musim perayaan(1m)/agar hubungan bertambah erat.(1m)<br>• Menggalakkan anak-anak berkomunikasi(1m)/dalam pelbagai bahasa.(1m).<br>• Melaksanakan kerja secara berkumpulan(1m)/ agar dapat mengeratkan hubungan sesama ahli kumpulan.(1m)<br>• Mengadakan program kemasyarakatan seperti gotong royong(1m) untuk mengeratkan silaturrahim.<br>• Mengelak diri daripada menimbulkan isu-isu sensitif(1m)agar tidak wujud prasangka.buruk sesama kaum.(1m)<br>• Menghayati sejarah negara agar dapat memahami erti dan kepentingan perpaduan.<br>• Mengadakan Kempen Cinta Bahasa Kita agar rakyat mudah untuk berkomunikasi sesama sendiri. | 3 isi x 2m<br>= 6m<br><br>Isi = 1m<br>H = 1m |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**